

Muhyiddin diarah hadir beri keterangan di SPRM

Kepemimpinan tertinggi BERSATU bersiap sedia hadapi sebarang kemungkinan

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin diarah hadir di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi ini untuk memberi keterangan berkaitan dakwaan rasuah dan penyelewengan membabitkan program Jana Wibawa.

Presiden BERSATU itu dalam kenyataan dalam FB malam tadi mengesahkan beliau diminta ke Ibu pejabat SPRM pada jam 11 pagi ini.

"Saya ingin menjelaskan berita saya ditahan di padang golf hari ini (semalam) yang disebar oleh sebuah portal berita adalah palsu.

"Hari ini (semalam) saya

hadir ke beberapa mesyuarat berkaitan Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) BERSATU yang akan bermula Jumaat ini.

"Bagaimanapun esok (hari ini) Khamis saya diminta ke ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 11 pagi," katanya.

Terdahulu, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU, Dr Muhammad Faiz Na'aman, berkata seluruh barisan kepemimpinan tertinggi BERSATU sudah diarah bersiap sedia untuk hadir ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya pagi ini untuk menghadapi sebarang kemungkinan, termasuk spekulasi Muhyiddin akan ditahan.

"Sehingga kini tiada penafian dari pihak SPRM mengenai dakwaan Muhyiddin akan ditahan. Kami barisan kepemimpinan tertinggi parti akan pergi Ibu Pejabat SPRM pagi esok (hari ini)... kita tunggu sahaja esok," katanya ketika dihubungi semalam.

Spekulasi bertiup kencang sejak petang semalam mengenai kemungkinan Muhyiddin didakwa dalam tempoh terdekat berkaitan siasatan program Jana Wibawa.

Desas-desus Muhyiddin akan didakwa tersebar sejak beberapa minggu lalu selepas bekas Ketua Penerangan BERSATU, Datuk Wan Saiful Wan Jan dihadapkan ke mahkamah pada 21 Februari lalu.

Bendahari Agung BERSATU, Datuk Salleh Bajuri turut ditahan SPRM pada 2 Februari lalu selepas diminta hadir ke Ibu Pejabat SPRM untuk memberikan penjelasan berkenaan pembayaran yang dibuat oleh parti kepada pembekal dan vendor parti.

Beku akaun BERSATU

Akhir bulan lalu, SPRM membekukan beberapa akaun milik parti BERSATU dipercayai ada kaitan dengan siasatan agensi itu terhadap dana kerajaan RM92.5 billion yang didakwa diseleweng oleh kerajaan Perikatan Nasional (PN) ketika melaksanakan susulan pandemik COVID-19.

Pada 18 Februari lalu, Muhyiddin mengesahkan beliau dipanggil SPRM untuk memberi keterangan mengenai Jana Wibawa sebagai saksi dan bukannya suspek.

Bagaimanapun, sehari ke-

mudian SPRM mengesahkan bekas Perdana Menteri itu adalah antara suspek yang disiasat berhubung kes berkenaan dan siasatan ke atasnya masih diteruskan.

Pada 21 Februari lalu, Wan Saiful didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM6.9 juta membabitkan projek Jana Wibawa bernilai RM232 juta pada tahun lalu. Bagaimanapun, beliau mengaku tidak bersalah.

Pada hari sama, Timbalan Ketua Bahagian BERSATU Segambut, Adam Radian Adam Muhammad, dihadapkan di mahkamah sama atas dua pertuduhan termasuk menerima rasuah RM500,000 membabitkan projek Jana Wibawa.

Dia sekali lagi didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 22 Februari atas kesalahan menerima rasuah berjumlah RM4.1 juta berkaitan projek sama.

Pada 28 Februari lalu, Adam Radian didakwa kali ketiga berhubung projek Jana Wibawa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, atas pertuduhan meminta rasuah RM2 juta.

"Sehingga kini tiada penafian dari pihak SPRM mengenai dakwaan Muhyiddin akan ditahan. Kami barisan kepemimpinan tertinggi parti akan pergi Ibu Pejabat SPRM pagi esok (hari ini)... kita tunggu sahaja esok"

Muhammad Faiz Na'aman, Ahli MPT BERSATU



Terdahulu, pada 22 Februari lalu, seorang pengarah syarikat perabot di Pagoh dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, atas sembilan pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung Program Wibawa bernilai RM12.875 juta, sejak dua tahun lalu.

Program Jana Wibawa dilaksanakan semasa pandemik COVID-19, dan ia kesinambungan kepada Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa yang dimulakan pada 1993.

Pelaksanaannya diluluskan Jemaah Menteri pada 13 November 2020 ketika kerajaan dipimpin Muhyiddin.